

BAB VI

EVOLUSI PERUBAHAN SIKAP DR. MAHATHIR TERHADAP SINGAPURA

“.... what a politician is supposed to do. He has to make an analysis of the problem and having diagnosed it, prescribed a remedy.”- Dr. Mahathir Mohamad, dalam *Malaysian Industry*, Volume 3, No. 39, September 1996. m.s. 88.

6.1 Pendahuluan

Sikap Dr. Mahathir terhadap kaum Cina pada amnya dan Singapura khasnya telah mengalami perubahan. Perubahan itu adalah berkaitan dengan sikapnya terhadap kesan negatif pengaruh kekuatan kaum tersebut ke atas aspek-aspek politik, ekonomi dan sosial orang-orang Melayu. Pada peringkat awal dahulu Dr. Mahathir sungguh lantang memperjuangkan isu-isu yang ada hubung kait dengan nasib dan kedudukan orang-orang Melayu yang ketinggalan dalam pelbagai bidang berbanding dengan kaum-kaum lain khasnya kaum Cina di negara ini. Dr. Mahathir kelihatan sebagai pejuang rakyat bawahan dan sifat nasionalis beliau amat jelas dalam isu-isu kewarganegaraan, bahasa dan peningkatan kedudukan ekonomi orang-orang Melayu. Setelah berjuang berplatformkan nasionalisma Melayu kini Dr. Mahathir telah yakin bahawa orang-orang Melayu telah mencapai tahap di mana mereka telah mampu bersaing dengan kaum bukan bumiputera khasnya kaum Cina dalam bidang ekonomi. Selaras dengan kepentingan keuntungan kewangan yang merupakan matlamat utama perjuangan Dr. Mahathir semenjak tahun 1981, bagi tujuan mencapai tahap pertumbuhan ekonomi yang tinggi, maka pasaran bebas yang ditandai oleh dasar ekonomi liberal dan deregulasi telah menjadi platform perjuangan beliau. Matlamat akhir ialah untuk memajukan Malaysia setaraf dengan negara-negara perindustrian barat.

Dasar-dasar beliau tersangat dipengaruhi oleh falsafah pragmatis, maka beliau sentiasa berusaha supaya kelihatan sungguh moderat terhadap kaum bukan Melayu dalam isu-isu bahasa, budaya, politik, ekonomi dan sosial. Sikap yang sedemikian telah membantu mengekalkan malah menambah sokongan orang-orang Cina kepada beliau. Dr. Mahathir terpaksa menjadi lebih liberal setelah keputusan pilihanraya umum 1990, Barisan Nasional pimpinan beliau hanya memperolehi jumlah undi 51.7 peratus sahaja dan kehilangan dua negeri iaitu Kelantan dan Sabah kepada pembangkang. Tambahan pula sebanyak 75 peratus orang-orang China telah memberikan undi mereka kepada parti pembangkang.¹ Dasar Dr. Mahathir yang lebih liberal dengan mengubah prinsip asal beliau telah membantu meningkatkan persefahaman di antara Malaysia-Singapura 1981-1995.

6.2 Sikap Awal Dr. Mahathir Terhadap Kaun Cina dan Singapura

Dalam membincangkan perubahan sikap Dr. Mahathir terhadap Singapura khasnya dan orang-orang Cina pada amnya, penulis terlebih dahulu menerangkan rasa kebimbangan awal beliau ke atas kesan negatif daripada dominasi kaum Cina ke atas aspek ekonomi, politik dan sosial orang-orang Melayu di Malaya. Persepsi beliau pada masa itu ialah bahawa orang-orang Melayu sangat ketinggalan dan tidak mampu bersaing dengan orang-orang Cina. Ini telah menyebabkan Dr. Mahathir sangat serius berjuang dengan caranya yang tersendiri untuk meningkatkan taraf hidup dan keupayaan serta daya saing orang-orang Melayu setakat yang beliau mampu. Cara-cara perjuangan beliau tersebut akan dihuraikan dalam bahagian yang berikutnya, mengikut isu.

¹ Lihat, Kua Kia Soong, *Reforming Malaysia*, (Kuala Lumpur: Oriengroup 1993), m.s. 1.

6.2.1 Isu-isu Ekonomi

Dalam membincangkan sikap Dr. Mahathir terhadap isu-isu ekonomi orang-orang Melayu kita perlu faham beliau mempunyai falsafah bahawa beliau berminat dengan perniagaan dan beliau juga tidak pernah puas dengan apa yang beliau capai dan ingin sentiasa memperbaiki kedudukannya. Beliau pernah menjual belon untuk menambahkan wang saku semasa bersekolah dan menjual pisang, kek, kopi dan kraftangan selama dua tahun di sebuah gerai di Pekan Rabu di Alor Setar semasa pemerintahan Jepun.

Seterusnya Dr. Mahathir telah memulakan kerjanya yang pertama sebagai kerani dengan memperolehi pendapatan sebanyak RM 80.00 sebulan. Oleh kerana beliau tidak berpuas hati dengan pendapatan tersebut maka beliau membuat keputusan untuk meneruskan pelajaran dan beliau memilih bidang perubatan di Singapura. Semasa menjadi pelajar di Singapura bermula dari tahun 1947 beliau telah membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan kedudukan ekonomi orang-orang Melayu khasnya yang ketinggalan dalam pelbagai bidang.

Dalam usaha beliau untuk membantu mempertingkatkan kedudukan ekonomi orang-orang Melayu berbagai cara telah digunakan untuk menyampaikan hasrat tersebut. Di antaranya ialah dengan menulis kepada akhbar khasnya *The Straits Times*, dan *The Sunday Times* dengan menggunakan nama samaran sebagai Che Det dan menyertai forum-forum dan debat pelajar. Dr. Mahathir telah tinggal selama enam tahun di Singapura semasa menjadi pelajar perubatan di Kolej Perubatan King Edward VII. Beliau telah melihat bagaimana orang-orang Melayu yang dulunya pemerintah dan tuan punya Singapura telah dikesampingkan² oleh penjajah British

² Dr. Mahathir Mohamad, *The Early Years 1942-1972*, (Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd., 1995), m.s. 85-86.

dan kaum pedagang Cina. Beliau mendedahkan bahawa orang-orang Melayu bandar tinggal di rumah-rumah atap yang robek dan pondok-pondok lusuh berhampiran rumah-rumah mewah jutawan-jutawan Cina. Lebih menyedihkan lagi ada juga orang-orang Melayu yang tinggal di kuarters orang gaji di rumah kepunyaan orang-orang Cina dan Inggeris.³ Pada masa yang sama Dr. Mahathir juga menyatakan orang-orang Melayu berada dalam keadaan bahaya kerana mereka berada jauh di belakang orang-orang Cina dan India dari segi pelajaran⁴.

Setelah berjaya menamatkan pengajian perubatan pada tahun 1953 Dr. Mahathir telah dilantik sebagai “*houseman*” di Hospital Besar Pulau Pinang dengan gaji sebanyak RM 400 sebulan. Seterusnya pada tahun 1954 beliau dilantik sebagai pegawai perubatan di hospital Langkawi dan Perlis selama enam bulan dengan mendapat gaji sebanyak RM 700 sebulan. Bermula dari tarikh itulah nama baik beliau telah meniti dari bibir ke bibir. Selepas itu setelah bertugas di Hospital Besar Alor Setar dan mencapai tahap gaji sebanyak RM 730 sebulan beliau memberikan layanan yang sama diantara orang kampung dan orang bandar, kakitangan kerajaan dan bukan kakitangan kerajaan, ini kerana katanya “ bagi saya tidak ada pengenalan kelas”.⁵ Walaupun berpendapatan RM 730 sebulan beliau telah meletakkan jawatan sebagai Pegawai Perubatan Hospital Besar Alor Setar pada tahun 1957.

Selepas meletakkan jawatan daripada perkhidmatan kerajaan, beliau bersama-sama isterinya menukuhan kelinik perubatan persendirian yang bernama Klinik Maha. Mengikut Dr. Mahathir sebagai pengamal perubatan swasta beliau memperolehi pendapatan di antara RM 2,000 ke RM 3,000 sebulan.⁶

³ Dr. Mahathir Mohamad, *The Early Years*, *Ibid.*, m.s. 85.

⁴ Dr. Mahathir Mohamad, *The Early Years*, *Ibid.* m.s. 10.

⁵ Zainuddin Maidin, *Mahathir- Di sebalik Tabir*, (Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd. 1994), m.s. 5.

⁶ New Straits Times, 24 May 1997.

6.2.2 Isu-isu Politik

Kesedaran awal beliau terhadap masa depan orang-orang Melayu yang terancam menyebabkan Dr. Mahathir telah menganggotai beberapa pertubuhan yang memperjuangkan kepentingan orang-orang Melayu. Di antara pertubuhan itu ialah pertamanya pergerakan menampal poster anti Malayan Union iaitu Massa Melayu, kedua *Kedah Malay Union*, ketiga *Kedah Malay Youth Movement* dan keempat SABERKAS atau Sayang Akan Bangsa Ertinya Reda Korbankan Apa Segala. SABERKAS mempunyai ideologi mirip sosialis kerana perjuangannya di antara lain ialah untuk memiliki negarakan semua lombong-lombong, bekalan air, kuasa, jalanraya, jalan keretapi, dan lain-lain bentuk pengangkutan, semua industri, perkhidmatan yang penting untuk keselamatan dan kehidupan rakyat.⁷ Apabila *Kedah Malay Union* bergabung dengan UMNO pada tahun 1946 maka secara otomatis Dr. Mahathir juga menganggotai UMNO pada masa yang sama.⁸

Semasa menjadi penuntut di Kolej Perubatan King Edward VII di Singapura Dr. Mahathir sangat perihatin terhadap isu kerakyatan yang merupakan salah satu isu politik yang terpenting ketika itu. Dalam hubungan ini beliau menentang usaha British untuk membentuk *Malayan Union* yang memberikan kerakyataan sama rata kepada semua penduduk Malaya berdasarkan konsep *Jus Soli*⁹ di mana sesiapa sahaja yang lahir di Malaya secara otomatis diiktiraf sebagai warganegara. Orang-orang Melayu melalui UMNO berjaya menghapuskan niat British tersebut dan masa depan orang Melayu dilihat oleh kaum bukan Melayu seolah-olah akan mendominasi arah aliran masa depan politik Malaya.

⁷ Lihat, Nicholas J. White, *Business, Government, and the End of Empire- Malaya, 1942-1957*, (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1996), m.s. 138.

⁸ Aziz Zariza Ahmad, *Mahathir's Paradigm Shift- The Man Behind the Vision*, (Taiping: Firma Malaysia Publishing, 1997), m.s. 16

⁹ Tan Sri Abdul Samad Idris, *25 tahun Merdeka- Kenangan Abadi Kepada Bangsa, Agama dan Tanahair*, (Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Budiman, 1982), m.s. 130.

Pada tahun 1957 apabila beliau memulakan perniagaannya dengan menubuhkan Klinik Maha Dr. Mahathir telah menggunakan perniagaannya sebagai perlanjutan kepada kehendak politiknya. Beliau yang telah melihat betapa daif dan hinanya orang-orang Melayu yang hidup tertekan di Singapura semasa menjadi penuntut di sana telah cuba sedaya upaya untuk memperbaiki nasib orang-orang Melayu Kedah khasnya.

Perkhidmatannya sungguh menyeluruh dan ada kalanya mengenakan bayaran sebanyak 10 sen, 50 sen dan seringgit sahaja. Beliau juga kadang kala tidak mengenakan apa-apa bayaran kepada pesakit beliau. Lebih dari itu ada ketikanya Dr. Mahathir memberi duit tambang kepada pesakit-pesakit beliau. Selanjutnya beliau juga merawat pesakit-pesakitnya dengan secara berhutang yang mana kebanyakannya tidak pernah menjelaskan hutang tersebut. Selain dari itu Dr. Mahathir juga membuat lawatan ke rumah pesakit beliau dengan menaiki kereta, basikal dan juga menumpang kawan-kawan. Kesemua gelagat beliau seperti di atas telah membuatkan beliau menjadi seorang doktor yang sangat popular sehingga beliau dikenali dengan panggilan Dr. UMNO. Pada tahun 1955 beliau dilantik sebagai ahli jawatankuasa UMNO Kedah dan pada tahun 1959 Dr. Mahathir telah memegang jawatan Pengerusi UMNO negeri Kedah.

Penglibatan Dr. Mahathir dalam politik secara langsung bermula dalam tahun 1964 apabila dipilih sebagai ahli parlimen Kota Setar Selatan. Semasa beliau menjadi ahli parlimen 1964 -1969 tersebut sikap beliau terhadap orang-orang Cina pada amnya dan Singapura khasnya sangat jelas. Beliau rasa takut dengan kemungkinan kaum Cina dan Lee Kuan Yew khasnya serta Singapura pada amnya akan mendominasi politik Malaysia.¹⁰ Perasaan beliau itu dapat dikesan apabila Dr.

¹⁰ J. Victor Morais, *Mahathir-A Profile in Courage*, (Petaling Jaya: Eastern Universities Press (M) Sdn. Bhd., 1982), m.s. 22.

Mahathir tidak berminat dengan penyertaan Singapura ke dalam Malaysia pada tahun 1963.¹¹ Dr. Mahathir menyedari hasrat Lee Kuan Yew yang menubuhkan PAP pada tahun 1954 berjuang dengan menyatakan “*In the first place, we did not want to be Singaporeans. We wanted to be Malayans. Then the idea was extended and we decided to become Malaysians*”.¹² Perkembangan itu membimbangkan Dr. Mahathir sebabnya selepas tinggal di Singapura selama enam tahun beliau merasakan “*Singaporeans and Malaysians would not be compatible in a union*”.¹³ Keraguannya itu berkaitan dengan rasa kurang yakin beliau ke atas keupayaan orang-orang Melayu dalam menghadapi persaingan dengan kaum Cina yang mempunyai kelebihan dalam pelbagai bidang berbanding dengan orang-orang Melayu yang kata Dr. Mahathir ‘easy going’.¹⁴ Pada pandangan beliau penyertaan Singapura akan mengancam masa depan dan survival orang-orang Melayu Malaya.

Tambahan pula pada masa yang sama Lee Kuan Yew cuba sedaya upaya untuk memberi pentakrifan baru terhadap perjalanan masa depan politik Malaysia dengan memperjuangkan konsep retorik *Malaysian Malaysia* bertujuan mengantikan konsep *Malay Malaya* yang telah dipersetujui dalam perjanjian *Anglo-Malay Federation Agreement*.¹⁵ Dr. Mahathir telah mengeluarkan reaksi yang sangat pedas terhadap pejuang konsep *Malaysian Malaysia* tersebut. Katanya kita orang-orang Melayu sangat sensitif dan rasa sedih di atas kecaman Lee Kuan Yew ke atas hak-hak istimewa yang diberikan kepada orang-orang Melayu. Selanjutnya kata Dr. Mahathir di atas tanah yang memberikan keistimewaan kepada orang-orang Melayu

¹¹ Dr. Mahathir Mohamad, *The Malay Dilemma*, (Singapore:Times Book International, 1995), m.s. 179-180.

¹² Kata-kata Lee Kuan Yew dipetik dalam, Micheal Hill and Lian Kwen Fee, *The Politics of Nation Building and Citizenship in Singapore*, (London: Routledge, 1995), m.s. 12

¹³ Lihat, Dr. Mahathir Mohamad, *The Malay Dilemma*, (Singapore: Times Book International, 1995),m.s. 178-180.

¹⁴ Dr. Mahathir Mohamad, *The Early Years*, op.cit. m.a. 85.

¹⁵ Micheal Hill and Lian Kwen Fee, *The Politics of Nation Building and Citizenship in Singapore*, op. cit. m.s. 45-46.

inilah orang-orang Melayu, Dayak dan Kadazan tinggal di pondok-pondok manakala orang-orang Cina yang tidak mempunyai keistimewaan tetapi mampu tinggal di istana, bergerak ke sana ke mari dalam kereta - kereta yang besar dan memiliki serta menikmati banyak perkara yang terbaik dalam hidup ini.¹⁶ Kerana kelantangan beliau seperti yang tergambar dalam petikan ucapan beliau di atas dalam memperjuangkan kepentingan orang-orang Melayu maka, pada tahun 1966 Dr. Mahathir telah dipilih menjadi ahli Majlis Kerja Tertinggi UMNO.

Walau bagaimanapun Dr. Mahathir gagal memenangi kerusi parlimen dalam pilihanraya umum pada tahun 1969 kerana orang-orang Cina tidak menyokong beliau. Ini kerana perbuatan beliau sendiri yang tinggi semangat nasionalismenya telah menasihatkan pengundi-pengundi Cina supaya tidak mengundi beliau kerana orang-orang Cina tidak akan diwakili oleh beliau di Dewan Rakyat.¹⁷ Sifat *ultra* Melayu beliau sangat tebal pada waktu itu sehingga menyebabkan kempen telah dilakukan supaya orang-orang Cina tidak datang ke kliniknya untuk mendapat rawatan. Beliau seterusnya pernah mencadangkan supaya anggota MCA dan juga MIC yang menganggotai kabinet kerajaan Parti Perikatan hendaklah disingkirkan.¹⁸

Dr. Mahathir sejak dari awal tidak bersetuju dengan falsafah Tunku yang berasaskan ungkapan “Biar Cina bermiaga dan biar Melayu berpolitik”.¹⁹ Ini kerana fahaman yang sedemikian bertentangan dengan keinginan beliau untuk merubah dan membela nasib dan masa depan orang-orang Melayu untuk bersaing dengan kaum-kaum lain dalam aspek ekonomi, politik dan sosial. Beliau tidak bersetuju dengan

¹⁶ Dipetik dari Khoo Boo Teik, *Paradoxes of Mahathirism- an Intellectual Biography of Mahathir Mohamad*, (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1995), m.s. 101-102-

¹⁷ Von Vorys dipetik dalam, David Brown, *The State and Ethnic Politics in Southeast Asia*, (London: Routledge, 1994), m.s. 242.

¹⁸ Zainuddin Maidin, *Mahathir di Sebalik Tabir*, op.cit. m.s. 21.

¹⁹ Op. cit., m.s. 16

falsafah Tunku yang seolah-olah menyerahkan ekonomi negara kepada orang-orang bukan Melayu sahaja. Pergeseran Dr. Mahathir- Tunku bertambah hebat apabila tersebarnya surat beliau kepada Tunku berhubung dengan sikap dan cara Tunku menjalankan pemerintahan negara dan isu peristiwa 13 Mei 1969. Isi surat itu adalah terlalu peribadi sifatnya termasuk di antara lain kelakuan Tunku yang bermain judi ketika ketegangan 13 Mei sedang memuncak.²⁰ Ekoran dari perkembangan itu Dr. Mahathir telah dipecat daripada keanggotaannya dalam Majlis Tertinggi UMNO pada 12 Julai 1969 dan daripada keahlian UMNO pada 26 September 1969.

Seterusnya Dr. Mahathir juga mengarang buku *The Malay Dilemma* yang menurut beliau berasaskan rasa takut orang-orang Melayu kepada kaum Cina.²¹ Beliau pada asasnya memberikan kritikan yang pedas pertamanya kepada gaya kepimpinan Tunku yang sangat tidak demokratik. Ini kerana pada pandangan beliau Tunku hanya mementingkan kriteria kesetiaan dan bukannya kecekapan seseorang tokoh untuk dilantik menganggotai kabinet beliau. Oleh itu Tunku menjadi terlalu berkuasa dan parti atau UMNO terpaksa tunduk kepada kehendak Tunku.²² Keduanya dasar Tunku terlalu memihak kepada orang-orang Cina dan beliau dengan itu telah gagal untuk memperbaiki ketidakseimbangan dalam pemilikankekayaan dan kemajuan bangsa Melayu berbanding dengan bangsa Cina.²³ Pada keseluruhannya mengikut Dr. Mahathir kerajaan kepimpinan Tunku “no longer able to feel the pulse of the people or interpret it correctly”.²⁴ Akibat dari kritikan pedas tersebut maka buku karangan Dr. Mahathir telah diharamkan oleh kerajaan Malaysia pada masa itu.

²⁰ *Op. cit.*, m.s. 26

²¹ Lihat Ucapan Dr. Mahathir Mohamad, 1 Ogos 1996 di Singapura dalam *Malaysia Industry*, Volume 3, No. 39, September 1996.

²² Lihat *The Malay Dilemma*, *op.cit.*, m.s., 9.

²³ *Ibid.* m.s. 13.

²⁴ *Ibid.* m.s. 15

Dr. Mahathir melalui bukunya *The Malay Dilemma* yang boleh dianggap sebagai manifestonya telah berjuang untuk membentuk “*Malay Malaysia*”.²⁵ Ekoran dari itu beliau telah berjaya mendapat gelaran pejuang Melayu nombor satu di Malaysia. Imej *ultra* tersebut telah menaikkan saham beliau dalam usaha untuk bergerak ke hadapan bagi mendaki hiraki barisan kepimpinan UMNO dan selanjutnya menerajui kepimpinan negara. Pada satu ketika Tun Abdul Razak menggesa semua ahli kabinetnya supaya membaca buku *The Malay Dilemma*.²⁶ Begitulah tingginya penghormatan kepimpinan politik Melayu terhadap Dr. Mahathir selepas tahun 1969.

Setelah beliau diterima kembali dalam UMNO pada tahun 1972 dengan reputasi sebagai wira bangsa Melayu, beliau terus berpegang kepada sikap yang sentiasa mengutamakan orang-orang Melayu. Ekoran dari sikap yang sedemikian beliau telah berjaya mengukuhkan kedudukannya daripada ahli majlis tertinggi UMNO dalam tahun 1972 dan dilantik menjadi senator pada tahun 1973. Seterusnya pada tahun 1974 beliau dilantik sebagai Menteri Pelajaran oleh Tun Abdul Razak. Beliau terus meningkat dalam kerjaya politiknya apabila dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri pada 5 Mac 1976.

Walau pun ramai berpendapat perlantikan itu adalah sebagai mengiktiraf sifat Dr. Mahathir sebagai pejuang hak dan keistimewaan Melayu, tetapi mengikut Stanley S. Bedlington “*there are also some signs that Mahathir is not as much a Malay chauvinist as his detractors would have the public believe*”.²⁷ Petikan ini membuktikan Dr. Mahathir sebenarnya bolehlah dikatakan seorang yang rasional dan

²⁵ Lihat Raj Vasil, *Ethnic Politics in Malaysia*, (New Delhi: Radiant Publishers, 1980), m.s. 218.

²⁶ Lihat Mohd. Affandi Hassan, *Wajah Pendeta*, (Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1996), m.s. 180.

²⁷ Stanley S. Bedlington, *Malaysia and Singapore- Building of New States*, (Ithaca: Cornell University Press, 1978), m.s. 150.

tidak merupakan seorang pelampau Melayu. Ini kerana setelah berkuasa didapati apabila beliau merasakan kedudukannya terancam dengan kebangkitan pengaruh kekuatan ekonomi kaum Cina Perantauan²⁸ maka beliau terpaksa atau dengan alasan “enlightened self interest” melaksanakan dasar ekonomi liberal. Keduanya Dr. Mahathir juga menghujahkan bahawa kini beliau yakin orang-orang Melayu sedikit sebanyak telah mampu bersaing dalam era globalisasi, maka beliau secara beransur-ansur melaksanakan dasar-dasar liberal di Malaysia.

6.2.3 Isu-isu Sosial

Isu- isu sosial yang menjadi tumpuan awal Dr. Mahathir ialah berkaitan dengan budaya orang-orang Melayu seperti isu bahasa Melayu, cara berpakaian, berhibur dan mencari lauk dan buah-buahan. Beliau melihat perlakuan orang-orang Melayu dalam aspek tersebut secara kritikal dan memberi penilaianya yang tersendiri ke atas aspek-aspek tersebut.

Mengenai isu bahasa Melayu Dr. Mahathir pada tahun 1949 menyokong supaya ianya dijadikan sebagai bahasa rasmi Malaya. Namun beliau mempunyai pandangan yang negatif kepada keupayaan bahasa Melayu bila beliau menyatakan, “*Malay Language at present, is hopelessly inadequate*”.²⁹ Walau bagaimanapun semangat kebangsaan beliau masih tebal sebelum menjadi Perdana Menteri Malaysia di mana buktinya pada tahun 1976 Dr. Mahathir menyatakan penggunaan Bahasa Melayu di sekolah tidak menghalang atau melambatkan proses pembelajaran ilmu

²⁸ Sejak akhir-akhir ini ramai penulis Barat mengiktiraf kekuatan kaum Cina Perantauan. Di antaranya lihat Murray Weidenbaum and Samuel Hughes, *The Bamboo Network-How Expatriate Chinese Entrepreneurs are Creating a New Superpower in Asia*, (New York: Marti Kessler Books, The Free Press, 1996). Lihat juga, John Naisbitt, *Megatrends Asia- The Eight Asian Megatrends That Are Changing The World*, (London: Nicholas Brealey Publishing, 1995) terutamanya m.s. 1-20.

²⁹ Lihat, Dr. Mahathir Mohamad, *The Early Years*,.. op.cit. , m.s. 35-36.

sains dan teknologi di kalangan pelajar-pelajar Malaysia.³⁰ Sebaliknya William Case berpendapat Dr. Mahathir telah tidak berminat dalam memperjuangkan sentimen ultra Melayu bermula dari tahun 1972-1976 khasnya apabila beliau memegang jawatan Menteri Pelajaran di mana beliau menggunakan pendekatan moderat di dalam menangani isu-isu pelajar Cina.

Ini kerana Dr. Mahathir kelihatan mengambil tindakan yang lebih keras ke atas organisasi pelajar-pelajar Melayu yang memperjuangkan isu kelas dan ugama berbanding dengan tindakan beliau ke atas organisasi pendidikan Cina dan sekolah rendah Mandarin.³¹ Apa yang lebih jelas ialah semangat kebangsaan Melayu beliau telah berubah pada tahun 90an apabila penggunaan bahasa Inggeris di pusat-pusat pengajian tinggi telah disokong dengan kuat oleh Dr. Mahathir. Perkembangan itu akan diterangkan secara terperinci dalam bahagian yang berikutnya.

6.3 Sikap Dr. Mahathir Terhadap Kaum Cina dan Singapura Setelah Berkuasa

Setelah berkuasa pada tahun 1981 Dr. Mahathir telah mula melakukan perubahan yang nyata dalam sikap beliau terhadap orang-orang Cina dan Singapura khasnya. Dalam menganalisis perubahan sikap tersebut penulis membahagikannya kepada perubahan yang dapat dilihat dalam aspek-aspek ekonomi, politik dan sosial. Perubahan sikap tersebut adalah lanjutan daripada sikap dan tindak tanduk beliau yang telah bertambah sederhana setelah memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri.

³⁰ Lihat *New Straits Times*, 14 December 1976.

³¹ Lihat, William Case, *Elites and Regimes in Malaysia-Revisiting a Consociational Democracy*, (Victoria: Monash Asia Institute, 1996), m.s. 131-132.

6.3.1 Isu-isu Ekonomi

Dalam menganalisis sikap Dr. Mahathir terhadap isu-isu ekonomi penulis terlebih dahulu menerangkan sikap Dr. Mahathir terhadap kekayaan. Bagi beliau kekayaan tidak ditentang dan sudah tentu tidak diharamkan.³² Beliau telah mencadangkan kepada banyak negara supaya mengamalkan dasar “prosper-thy-neighbour” dengan alasan jika sesebuah negara mempunyai tetangga yang kaya maka negara tersebut akan menghadapi kurang masalah dari negara tetangga yang kaya tersebut.³³

Prinsip yang sama juga digunakan oleh Dr. Mahathir dalam menguruskan hubungan Malaysia-Singapura. Dalam hubungan ini beliau amat bangga dengan kekayaan seseorang atau sesebuah negara. Oleh yang demikian maka Dr. Mahathir cuba mencontohi tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Singapura pimpinan Lee Kuan Yew yang terbukti lebih kaya dan maju berbanding Malaysia. Beliau telah melawat Singapura pada 17 dan 18 Disember 1981 dan mengisyiharkan bahawa Singapura akan dijadikan contoh oleh Malaysia.³⁴ Ini membuktikan bahawa dalam banyak perkara dan khasnya dalam aspek pengurusan ekonomi, Dr. Mahathir menyukai cara-cara Lee Kuan Yew.³⁵

Selanjutnya bagi Dr. Mahathir masalah utama Malaysia ialah bagaimana negara ini dapat dijadikan sebuah negara maju yang kaya serta dihormati di dunia. Dr. Mahathir mahu menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju yang setanding

³² Dr. Mahathir Mohamad, *Menghadapi Cabaran*, (Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara, 1980), m.s. 25.

³³ Sun, 21 May 1997.

³⁴ Ucapan Dr. Mahathir Mohamad, *Koleksi Ucapan Mahathir*, (Kuala Lumpur: Jabatan Perkhidmatan Penerangan Malaysia, Kementerian Penerangan, 1992), m.s 24.

³⁵ Lihat Shamsul A. B. , *Malaysia's Vision 2020: Old Ideas in a New Package*, Working Paper 92-4, Monash University Development Studies Centre, Tanpa Tarikh, m.s. 8.

dengan negara-negara perindustrian barat. Bagi mencapai tujuan tersebut empat faktor utama yang telah digunakan oleh Dr. Mahathir iaitu pertamanya mewujudkan kepimpinan yang imaginatif, kedua menjadikan rakyat Malaysia kuat bekerja, ketiga ialah menyediakan pentadbiran awam yang cekap dan bersih dan akhir sekali ialah menjadikan sektor swasta Malaysia yang inovatif dan kompetitif.³⁶

Dr. Mahathir menganggap dirinya sebagai sahabat kepada sektor perniagaan dan dirinya sentiasa dikelilingi oleh ahli-ahli perniagaan.³⁷ Bermula dari tahun 1977 salah seorang ahli perniagaan yang sentiasa menasihat beliau ialah Daim Zainuddin. Pada 14 Julai 1984 Daim Zainuddin telah dilantik sebagai Menteri Kewangan Malaysia. Gabungan pemikiran Daim sebagai seorang ahli perniagaan yang praktikal dan Dr. Mahathir seorang ahli politik yang pragmatik telah membawa kepada pelaksanaan dasar ekonomi Malaysia yang lebih liberal.³⁸ Bagi memajukan Malaysia tindakan yang mesti diambil pada pandangan Dr. Mahathir ialah pengamalan sistem ekonomi pasaran yang lebih liberal di samping menggalakkan kerjasama kerajaan dengan pemilik modal kaum Cina. Tindakan itu telah dimulakan oleh Dr. Mahathir pada tahun 1986.³⁹

Dr. Mahathir juga menanamkan nilai-nilai persaingan dan kerjasama bagi tujuan mencapai kecekapan dan peningkatan produktiviti melalui pelaksanaan dasar-

³⁶ Khoo Boo Teik, "Democracy and Authoritarianism In Malaysia Since 1957-Class, Ethnicity, and Changing Capitalism " dalam, Anak Laothamatas, (ed), , *Democratization in Southeast and East Asia*, (Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 1997), m.s. 63.

³⁷ Micheal Leigh, "Politics, Bureaucracy and Business In Malaysia: Realigning the Eternal Triangle", dalam , Andrew J. Mac Intyre and Kanishka Jayasuria, (ed), *The Dynamics of Economic Policy Reforms in Southeast Asia and The West Pacific*, (Kuala Lumpur:Oxford University Press, 1995), m.s.119.

³⁸ Lihat , Fatini Yaacob, *Daim Yang Diam- Sebuah Biografi*, (Kuala Lumpur:Imbas Cemara, 1997),m.s. 124.

³⁹ Lihat, James V. Jesudason, "The Syncretic State and The Structuring of Oppositional Politics in Malaysia" dalam Gary Rodan, *Political Oppositions in Industrialising Asia*, , (London: Routledge, 1996),m.s. 149

dasar seperti penswastaan dan persyarikatan Malaysia. Beliau juga menggalakkan persaingan yang sihat di antara firma-firma yang terdapat di Malaysia. Contohnya ialah kelulusan diberikan kepada pelbagai syarikat yang terdiri dari syarikat bumiputra dan bukan bumiputra untuk menjadi pembekal elektrik bebas “*Independent Power Producers*” yang menjual hasil keluarannya kepada Tenaga Nasional. Contoh yang seterusnya ialah penswastaan projek-projek infrastruktur seperti lebuhraya, penswastaan syarikat pengangkutan milik negara seperti MAS, kilang-kilang industri berat seperti HICOM dan Perwaja Steel kepada individu-individu bumiputra pilihan yang beliau fikir berkelayakan.

Hasil dari pelaksanaan dasar tersebut selama sebelas tahun, kini Dr. Mahathir secara langsung telah berjaya membantu menghasilkan seramai lima belas orang billionaire Malaysia yang mana mereka adalah di antara 100 orang yang terkaya di Asia pada masa ini. Mereka terdiri daripada sebelas orang Cina, empat orang Melayu dan seorang India. Memandangkan kepada kejayaan melahirkan ramai jutawan dan beberapa orang billionaire Melayu tersebut maka pada 11 Mei 1997 Dr. Mahathir telah menarik balik pendirian beliau yang dinyatakan dalam buku *The Malay Dilemma* bahawa orang-orang Melayu tidak mampu bersaing dengan orang-orang Cina dalam pelbagai bidang. Maka dengan keputusan tersebut Dr. Mahathir mengesahkan bahawa premis perjuangannya sekarang ialah berbentuk Malaysian Malaysia ala Dr. Mahathir.

Walau bagaimanapun billionaire Melayu tersebut sekadar menduduki tangga ke 59 iaitu Halim Saad, tangga ke 70 iaitu Rashid Hussein, tangga ke 79 iaitu Tajudin Ramli dan ke 97 iaitu Yahya Ahmad berbanding dengan sebelas orang billionaire kaum bukan Melayu yang menduduki tangga yang lebih tinggi secara relatif. Di antaranya yang menduduki tangga ke 13 iaitu Lim Goh Tong, tangga ke 19 Vincent Tan Chee Youn, tangga ke 23 Quek Leng Chan, kedudukan ke 28 Robert

Kuok, kedudukan ke 36 Tiong Hiew King, tangga ke 46 Francis Yeoh, kedudukan ke 54 Teh Hong Piow, tangga ke 60 Yaw Teck Seng, tangga ke 67 iaitu Ananda Krishnan, kedudukan ke 90 Khoo Kay Peng dan akhir sekali William Cheng yang menduduki tangga ke 95 daripada seratus orang billionaire di Asia.⁴⁰ Pada keseluruhannya kewujudan ramai billionaire di Malaysia hasil dari pelaksanaan dasar-dasar ekonomi Dr. Mahathir telah menyumbangkan ke arah menghasilkan satu keadaan atau fenomena yang dikatakan “*the Chinese entrepreneur has been transformed from pariah to paragon*”⁴¹

6.3.2 Isu-isu Politik

Setelah berkuasa pada tahun 1981 dari segi politik Dr. Mahathir terpaksa menerima hakikat bahawa kaum bukan Melayu bermula daripada tahun 1957, adalah sebahagian daripada rakyat Malaysia yang sah. Walaupun beliau menentang pemberian taraf kerakyatan sama rata kepada orang-orang bukan Melayu namun perlembagaan yang diterima pakai setelah Malaysia merdeka pada tahun 1957 menerima kerakyatan orang-orang bukan Melayu dan sebagai balasannya kaum Bumiputra telah diberikan beberapa keistimewaan. Beliau tidak mempunyai pilihan lain dan terpaksa menerima hakikat tersebut.

Namun setelah berkuasa sikap beliau yang begitu lantang memperjuangkan hak-hak orang Melayu juga telah berubah. Secara perlahan-lahan Dr. Mahathir mula melaksanakan dasar-dasar liberal yang boleh dianggap sebagai *Malaysian Malaysia* ala Dr. Mahathir. Dasar itu terpaksa dilakukan kerana beliau telah diyakinkan oleh bijak pandai bukan Melayu yang telah melakukan pelbagai penyelidikan dan

⁴⁰ Lihat, Geoff Hiscock, *Asia Wealth Club-Who's Really who in Business-The top 100 billionaire in Asia*, (London: Nicholas Brealy Publishing, 1997), m.s 5-8.

⁴¹ McVey dipetik dalam, Ian Brown, *Economic Change in Southeast Asia, c.1830-1980* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1997), m.s.s 279.

menyalurkan hak-hak dan tuntutan-tuntutan mereka melalui parti-parti politik seperti MCA, GERAKAN dan DAP.

Dalam era kepimpinan Dr. Mahathir ini juga beliau cuba memberi pentafsiran baru terhadap apa itu bangsa Melayu. Kini keterbukaan pengertian Melayu yang cuba diketengahkan oleh UMNO pimpinan Dr. Mahathir ialah Melayu dari segi ekonomi politik dan bukannya Melayu takrifan antropologi. Bangsa Melayu takrifan ekonomi politik bermaksud sesiapa sahaja yang menyumbangkan kepada kegemilangan ekonomi dan budaya Melayu maka mereka itu adalah "Melayu."⁴² Dalam hubungan ini orang-orang bukan bumiputera yang menyumbangkan ke arah kekuatan ekonomi Malaysia atau Melayu juga boleh dianggap "Melayu."

Selaras dengan sikap Dr. Mahathir yang moderat tersebut maka beliau juga telah mengutarakan konsep Melayu Baru dan bangsa Malaysia yang dikira mempunyai sifat-sifat positif yang mampu bersaing dalam pasaran antarabangsa di era global. Beliau menyeru kepada orang-orang Melayu supaya mengubah sikap dan berusaha dengan lebih gigih dan percaya kepada diri sendiri untuk memajukan taraf hidup mereka tanpa mengharapkan bantuan yang berterusan daripada pemerintah. Seruan yang sama juga dibuat oleh kerajaan Singapura kepada rakyat Melayu di negara tersebut supaya menerima hakikat budaya Melayulah yang menyebabkan mereka menghadapi masalah sosioekonomi.⁴³ Oleh kerana menipisnya semangat kemelayuan yang terkandung dalam gagasan Melayu Baru yang cuba diterapkan oleh Dr. Mahathir sejak akhir-akhir ini kepada rakyat Melayu maka perbedaan di antara sikap Lee Kuan Yew dan Dr. Mahathir juga menjadi semakin kurang.

⁴² Lihat Ucapan Dr. Afifudin Omar bertajuk "Ke mana politik Melayu" dalam *Utusan Malaysia*, 4 Mac 1997.

⁴³ David Brown, *The State and Ethnic Politics in Southeast Asia*, (London: Routledge, 1994), m.s. 93.

Dua faktor yang mengurangkan perbedaan sikap Dr. Mahathir dan Lee Kuan Yew di mana yang pertamanya ialah kerana nilai-nilai baru orang Melayu yang cuba diterapkan oleh kepimpinan Dr. Mahathir mengandungi unsur-unsur meritokrasi yang sebenarnya telah lebih awal digembar gemburkan oleh Lee Kuan Yew lebih tiga puluh tahun yang lalu. Satu lagi nilai Dr. Mahathir yang jelas berubah ialah mengenai sikap beliau terhadap Israel. Kalau dahulu Malaysia bersikap lebih keras dan tegas terhadap negara Yahudi tersebut, kini hubungan Malaysia-Israel telah terjalin sekurang-kurangnya dalam bidang ekonomi dan sosial. Israel sudah lama mempunyai hubungan ketenteraan dan simbolik⁴⁴ , malah merupakan rakan rapat dan model kepada Singapura sejak perpisahannya dari Malaysia pada tahun 1965. Kedua-dua faktor di atas juga telah menyumbangkan ke arah peningkatan persefahaman di antara kedua negara yang bertetangga.

6.3.2.1 Isu Politik Terbaru.

Penulis dalam bahagian ini akan menghuraikan dua isu politik terbaru dalam hubungan Malaysia-Singapura. Yang pertama oleh kerana ada perbedaan terhadap bentuk sebenar Malaysia yang akan dilahirkan pada masa hadapan maka sejak kebelakangan ini Malaysia menghadapi masalah kepimpinan.⁴⁵ Ini kerana golongan tebal nasionalis dalam UMNO tidak gemar dengan pendekatan liberal Dr. Mahathir dalam membentuk “*nation- of- intent*” Malaysia.

6.3.2.1.1 Isu Percantuman Semula Malaysia-Singapura.

Menyedari masalah dan kegawatan dalam isu kepimpinan yang terpaksa dihadapi oleh Dr. Mahathir⁴⁶ ditambah pula dengan rasa dendam yang tidak pernah

⁴⁴ Michael Hill and Lian Kwen Fee, *The Politics of Nation Building and Citizenship in Singapore*, Op.cit , m.s. 205.

⁴⁵ Shamsul A.B., “Nation -of-Intent in Malaysia”, dalam Stein Tonnesson and Hans Antlov(ed), *Asian Forms of the Nation*, (Surrey: Curzon Press Ltd., 1996) , m.s. 333

⁴⁶ Lihat, “Power Play” dalam *Asiaweek*, 20 October 1995.

padam dalam pemikiran Lee Kuan Yew, maka pada tahun 1996 timbul isu momok Lee Kuan Yew terhadap Malaysia. Pada awalnya Lee Kuan Yew semasa menjawab satu pertanyaan menyatakan bahawa Singapura mungkin bercantum semula dengan Malaysia jika Malaysia mengamalkan sistem meritokrasi.⁴⁷ Beliau memberi amaran kepada rakyat Singapura supaya sentiasa berwaspada jika tidak Singapura terpaksa melutut kepada Malaysia dan menyertai Malaysia sekali lagi dengan syarat-syarat yang dikenakan oleh Malaysia.⁴⁸ Syarat-syarat Malaysia itu tentulah pelaksanaan dasar-dasar awam yang lebih mengutamakan kaum bumiputera yang sangat-sangat tidak digemari oleh Lee Kuan Yew.

Sebagai reaksi awal kepada isu tersebut Dr. Mahathir menyatakan Malaysia tidak menolak kemungkinan Singapura bercantum semula dengan Malaysia pada satu hari nanti apabila semua bangsa-bangsa di Malaysia telah mencapai kepercayaan diri dan berkeupayaan untuk bersaing.⁴⁹ Namun selepas itu Dr. Mahathir menegaskan jika Singapura menghadapi banyak masalah dalaman dan ingin bercantum dengan Malaysia dengan syarat-syarat Malaysia, pada waktu itu Malaysia sebenarnya tidak mahu menerima Singapura. Ini kerana Malaysia tidak mahu menerima orang-orang yang gagal.

Dr. Mahathir juga menambah bahawa Singapura masih mengamalkan diskriminasi terhadap orang-orang Melayu Singapura terutamanya dalam pengambilan pegawai kanan tentera dalam angkatan bersenjata Singapura. Disamping itu orang-orang Melayu Singapura masih tertinggal di belakang. Dalam menangani isu tersebut Dr. Mahathir bertindak sederhana sahaja dengan membuat

⁴⁷ *Straits Times*, 8 June 1996.

⁴⁸ *Utusan Malaysia*, 9 September 1996.

⁴⁹ *Sunday Times*, 9 June 1996.

ulasan seperti yang dihuraikan di atas. Beliau tidak mengambil langkah drastik seperti yang pernah dikenakan pada tahun 1981 ke atas *Great Britain* dengan melaksanakan dasar *Buy British Last* yang mempunyai implikasi ekonomi dan perdagangan.

6.3.2.1.2 Isu Penghinaan Lee Kuan Yew Ke Atas Johor

Seterusnya pada 11 Mac 1997 timbul lagi isu yang merendah-rendahkan malah menghina Malaysia dengan tuduhan terhadap Johor oleh Lee Kuan Yew dan anaknya Lee Hsien Loong dalam afidavit samannya beliau ke atas Tang Liang Hong seorang tokoh pembangkang Singapura. Dalam afidavit yang diserahkan kepada mahkamah Singapura, Lee dan anaknya mendakwa negeri Johor sebagai “*notorious for shootings, mugging and car jackings*”.⁵⁰ Itulah sikap Lee Kuan Yew yang terlalu bangga dengan kejayaannya membangunkan ekonomi Singapura dari dimensi kebendaan tetapi mendera rakyatnya dari dimensi kebebasan politik dan sosial.⁵¹ Dalam hubungan ini mengikut Rustam Sani pola hubungan di antara kedua negara dipengaruhi oleh sikap bongkak, memandang rendah dan prasangka pihak Singapura terhadap Malaysia.⁵²

Pada awalnya reaksi dari golongan muda pemimpin Malaysia kepada Lee Kuan Yew begitu emosional, membayangkan ianya kurang matang dan tanpa perkiraan yang rasional, malah boleh dikatakan terburu-buru. Ini kerana ada yang memprotes tindakan Lee Kuan Yew tersebut dengan kata-kata antara lain seperti nyanyuk, “*pig and evil spirit*”⁵³. Selanjutnya semasa diumumkan apa yang

⁵⁰ *The Asian Wall Street Journal*, 20 March 1997.

⁵¹ Lihat Christopher Lingle, *Singapore's Authoritarian Capitalism - Asian Values, Free Market Illusions, and Political Dependency*, (Barcelona: Edicions Sirocco, S.L., 1996) m.s. 159.

⁵² Rustam A. Sani, “Yang Nyanyuk, Yang Latah, Utusan Malaysia, 19 Mac 1997.

⁵³ *Newsweek*, 7 April 1997.

dikatakan pembekuan hubungan Malaysia-Singapura, didapati anggota kabinet sendiri seolah-olah tidak mahu berterus terang apabila tidak mahu namanya disebut semasa pengumuman tersebut dibuat.⁵⁴

Walau bagaimanapun akhirnya Dr. Mahathir berjaya menanganinya dengan sungguh matang, berhati-hati dan berkesan apabila Lee Kuan Yew bersetuju untuk meminta maaf dan menghapuskan tuduhan negatif beliau terhadap negeri Johor dalam afidavitnya bertarikh 27 Januari 1997 di mahkamah Singapura.⁵⁵ Pada umumnya Dr. Mahathir telah bertindak dengan sederhana dalam menangani dua isu terbaru tersebut dalam kontek hubungan dua hala Malaysia-Singapura. Kabinet Dr. Mahathir telah menerima minta maaf daripada Lee Kuan Yew di atas keterlanjuran beliau. Malaysia mengikut Dr. Mahathir tidak meletakkan apa-apa syarat untuk memulih kembali hubungan kedua negara sambil menambah biarlah masa memulihkannya “*let time heal rift with Singapore*”.⁵⁶

Pendekatan Dr. Mahathir berbeda dengan gesaan Pemuda UMNO yang antara lain mahukan Lee Kuan Yew dan anaknya serta Singapura dikenakan tindakan yang lebih keras seperti memanggil pulang Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Singapura sehingga isu penghinaan ke atas Johor selesai⁵⁷ serta mengharamkan Lee Kuan Yew dan anaknya memasuki Malaysia.⁵⁸ Selanjutnya menteri kabinet dari MCA iaitu Lim Ah Lek menasihatkan pekerja Malaysia di Singapura supaya pulang memandangkan Singapura seolah-olah tidak menghargai sumbangan mereka.⁵⁹

⁵⁴ *Business Times*, 27 March 1997.

⁵⁵ *New Straits Times*, 26 April 1997.

⁵⁶ *The Star*, 24 March 1997.

⁵⁷ *Berita Harian*, 27 Mac 1997.

⁵⁸ *Berita Minggu* 16 Mac 1997.

⁵⁹ *Sun*, 14 March 1997.

Sebagai reaksi kepada gesaan Lim Ah Lek tersebut Dr. Mahathir sekali lagi menunjukkan kematangannya apabila beliau menegaskan rakyat Malaysia bebas bekerja di mana-mana termasuk Singapura.⁶⁰

Walau bagaimanapun krisis terbaru ini telah memaksa Dr. Mahathir buat pertama kalinya mendedahkan bahawa Malaysia menghadapi dua masalah utama dalam hubungan Malaysia-Singapura. Pertamanya ialah Malaysia terpaksa memindahkan pengkalan tentera laut di Woodlands pada akhir tahun 1997, setelah Singapura menaikkan sewa hampir tiga kali ganda sewa asal. Yang kedua ialah Singapura menekan Malaysia supaya menyerahkan kembali tanah kepunyaan Keretapi Tanah Melayu di Tanjung Pagar walaupun Malaysia mempunyai hak untuk mengendalikan perkhidmatan untuk selama 999 tahun.

Seterusnya Dr. Mahathir menyatakan terdapat banyak masalah yang lain tetapi kerajaan tidak mendedahkan kepada umum kerana Malaysia ingin mengekalkan hubungan baik Malaysia-Singapura.⁶¹ Namun begitu cara Malaysia menangani isu-isu terbaru ini agak keliru kerana semasa Dr. Mahathir berada di Tokyo, pembekuan hubungan Malaysia-Singapura diumumkan Kuala Lumpur oleh kabinet yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri, tetapi pembekuan itu dinafikan oleh Dr. Mahathir⁶² di Osaka, maka sekali lagi peristiwa ini ditafsirkan bahawa Malaysia sedang menghadapi masalah kepimpinan.⁶³

Perkembangan selanjutnya ialah pada 7 April 1997 menteri luar Malaysia Datuk Abdullah Ahmad Badawi dan rakan sejawatannya dari Singapura Shanmugam

⁶⁰ *The Sun*, 16 March 1997.

⁶¹ *Far Eastern Economic Review*, 27 March 1997.

⁶² *The Star*, 29 March 1997.

⁶³ *Asiaweek*, 11 April 1997.

Jayakumar dalam pertemuannya di New Delhi mengiktiraf nilai hubungan baik di antara kedua negara. Abdullah mengharapkan kedua-dua pihak tidak mengeluarkan kenyataan yang boleh memberi kesan negatif dalam hubungan kedua negara.⁶⁴ Namun selepas itu menteri dalam negeri Singapura Wong Kan Seng menyatakan adalah perkara biasa apabila rombongan pelancung Singapura mengelak dari melancung ke Malaysia kerana mereka "*felt unwelcome*" ekoran kecaman-kecaman oleh pelbagai pihak di Malaysia ke atas Lee Kuan Yew khasnya dan Singapura pada amnya. Ini adalah reaksi Singapura kepada rasa tidak puas hati dan kritikan menteri pelancungan Malaysia ke atas tindakan kerajaan Singapura yang menggerakkan organisasi PAP peringkat akar umbi bagi menjalankan kempen supaya pelancung Singapura bertindak balas dengan tidak melawat Malaysia dan sebaliknya pergi ke Indonesia dan Thailand. Pada masa yang sama organisasi perkapalan Malaysia juga bertindakbalas dengan menyeru para ahli perniagaan Malaysia supaya tidak lagi menggunakan pelabuhan Singapura.⁶⁵

Walaupun krisis Malaysia -Singapura terus berlaku dengan isu-isu yang timbul itu kait mengait di antara satu sama lain, Malaysia di bawah pimpinan Dr. Mahathir didapati melalui menteri dan pengikut kanannya cuba mengambil pendekatan berlembut. Buktinya pada 12 Jun 1997 Datuk Seri Rafidah Aziz menyatakan hubungan Malaysia-Singapura telah kembali normal.⁶⁶ Beliau juga menegaskan Singapura telah diluluskan untuk melabur di Malaysia bernilai sebanyak RM 9.8 billion bagi tempoh 1990-1996. Data bagi tahun 1996 sahaja menunjukkan pelaburan modal Singapura di Malaysia yang telah diluluskan bernilai RM 4.8 billion. Ini merupakan satu peningkatan sebanyak 372 peratus berbanding dengan pelaburan Singapura di Malaysia pada tahun 1995⁶⁷.

⁶⁴ *New Straits Times*, 8 April 1997.

⁶⁵ Lihat *Asiaweek*, 13 June 1997.

⁶⁶ *The Star*, 13 Jun 1997.

⁶⁷ *Business Times*, 13 June 1997.

Pada hari yang sama Datuk Ahmad Zahid Hamidi Ketua Pemuda UMNO juga mengunjungi Pengerusi Pemuda PAP Singapura, Brig. Jeneral George Yeo yang juga Menteri Penerangan Singapura dalam usaha mengakhiri atau menutup buku mengenai krisis di antara kedua negara yang bertetangga.⁶⁸ Semuanya itu terjadi seminggu selepas Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong menyatakan Singapura dan Malaysia perlu “*move relations to a higher level of cooperation based on mutual respect and benefit to overcome current strains*”.⁶⁹

Perkembangan terakhir menunjukkan pada 14 Jun 1997 dilaporkan bahawa Datuk Ahmad Zahid Hamidi telahpun memohon maaf kepada Lee Kuan Yew di atas kata-kata kesat pemuda UMNO Johor khasnya, yang antara lain mengutuk Lee Kuan Yew dengan kata-kata kesat di antaranya sebagai “Anak Haram”, dan “Babi” pada 13 Mac 1997. Tawaran maaf itu dibuat setelah beliau membuat permintaan dan diterima mengunjungi Brigadier Jeneral George Yeo Pengerusi Pemuda PAP-Parti Tindakan Rakyat di Singapura.⁷⁰ Pada hari yang sama Menteri Pertahanan Malaysia menyatakan isu krisis Malaysia-Singapura telah selesai.⁷¹ Ekoran permintaan maaf oleh Ahmad Zahid kepada Singapura di atas kata-kata kesat Pemuda UMNO Johor ke atas Lee Kuan Yew, maka pihak Malaysia nampaknya sekali lagi berjaya mengakhiri krisis yang terbaru dengan Singapura⁷².

⁶⁸ *The Star*, 13 June 1997, lihat juga “Pertemuan Zahid-Yeo Eratkan Hubungan” dalam *Utusan Malaysia*, 13 Jun 1997.

⁶⁹ *The Star*, 6 June 1997.

⁷⁰ *Utusan Malaysia*, 14 Jun 1997.

⁷¹ Berita Jam Enam, *Television Malaysia*, 14 Jun 1997.

⁷² Lihat “*UMNO Youth Chief Closes Book on Strained Relations*” dalam *New Sunday Times*, 15 June 1997.

6.3.3 Isu-isu Sosial

Berkaitan dengan isu-isu sosial sejak dari tahun 1981 hingga kini Dr. Mahathir terus membangkitkan isu-isu kebersihan, budaya dan bahasa. Beliau kerap menegaskan betapa beliau tidak begitu berpuas hati dengan cara hidup orang-orang Malaysia yang kurang mengutamakan kebersihan.

Walau bagaimanapun yang paling menarik dan signifikan ialah dalam isu bahasa Melayu. Dalam hubungan ini Dr. Mahathir telah membuat perubahan yang besar dengan melaksanakan dasar Bahasa Kebangsaan yang liberal. Buktinya pada bulan September 1992 semasa memberi satu temuramah dengan sebuah stesen television di Jakarta Dr. Mahathir telah bercakap dalam bahasa Inggeris sepenuhnya walaupun penonton di Indonesia adalah rata-rata berbahasa Melayu/Indonesia. Tindakan beliau tersebut telah menimbulkan kontroversi dan memberi tamparan hebat kepada harga diri orang-orang Melayu khasnya yang tinggi semangat cinta dan sayang kepada bahasa ibunda mereka.⁷³

Kini mengikut pendekatan baru, Bahasa Inggeris telah dibenarkan untuk digunakan sebagai bahasa pengantar dipusat-pusat pengajian tinggi swasta dan awam untuk mengajar mata pelajaran sains dan teknologi. Langkah Dr. Mahathir itu menggambarkan bahawa pertamanya pada pandangan Dr. Mahathir Bahasa Melayu masih belum mampu untuk dijadikan sebagai bahasa ilmu sains dan teknologi. Hujah Dr. Mahathir ialah maju bangsa majulah bahasa.

Dalam hubungan ini juga pada **pandangan Dr. Mahathir Malaysia boleh maju hanya jika Bahasa Inggeris digunakan dengan meluas untuk**

⁷³ Lihat, Muhammad Ikmal Said, "Malay Nationalism And National Identity" dalam, Muhammad Ikmal Said, Zahid Emby (ed), *Malaysia- Critical Perspectives- Essays in Honour of Syed Hussein Ali*, (Petaling Jaya: Persatuan Sains Sosial Malaysia, 1996), m.s. 40.

menambahkan ilmu pengetahuan khasnya sains dan teknologi. Apabila penguasaan sains dan teknologi rakyat Malaysia adalah tinggi maka bangsa Malaysia akan bertambah maju dan selaras dengan itu maka bahasa Melayu juga akan maju dan diterima oleh pelbagai pihak.

Keduanya demi untuk menarik sokongan daripada orang-orang bukan Melayu, beliau terpaksa dilihat liberal dalam isu bahasa, budaya dan pendidikan. Ini kerana *hegemony* Bahasa Melayu pada umumnya hanya diterima sebagai bahasa rasmi dan bukanya sebagai bahasa kebangsaan oleh orang-orang bukan Melayu. Ini kerana perbincangan yang bersifat intelektual dan penting di Malaysia selalunya dibuat samada secara bertulis atau lisan dalam Bahasa Inggeris.⁷⁴ Perkembangan dasar-dasar sosial dalam negeri yang lebih liberal era Dr. Mahathir, menyebabkan pihak Singapura lebih yakin dengan masa depan Malaysia. Ini kerana jika Malaysia mengambil langkah yang lebih pro Melayu maka ia boleh secara tidak langsung mempengaruhi rakyat Melayu Singapura untuk menuntut hak-hak mereka yang selama ini telah dinafikan oleh pemerintah Singapura. Bagi Lee Kuan Yew, beliau sentiasa mengingatkan rakyatnya terhadap ancaman daripada nasionalisme Melayu.⁷⁵

6.4 Kesimpulan

Sebagai pemimpin yang berasal daripada rakyat bawahan Dr. Mahathir melihat segala kepincangan yang telah dilakukan oleh golongan Raja-raja Melayu serta pemimpin -pemimpin **kelas atasan orang-orang Melayu**. Mereka pada awalnya telah ditipu oleh penjajah British dan selepas itu mengadakan

⁷⁴ Lihat Muhammad Ikmal Said, ‘Malay Nationalism and National Identity”, *Ibid.*, m.s. 41.

⁷⁵ Lihat, Francois Godement, *The New Asian Renaissance-From Colonialism to the post-Cold War*. (London: Routledge, 1997), m.s. 211.

kolaborasi dengan kaum imigran khasnya Cina untuk kepentingan golongan kelas pemerintah semata-mata maka rata-rata nasib rakyat Melayu tidak terbela. Dr. Mahathir melihat penjajah British sebagai ancaman kepada kemajuan dan kelangsungan hidup orang-orang Melayu. Beliau juga melihat kaum imigran khasnya orang-orang Cina juga sebagai ancaman kepada kaum Melayu di buminya sendiri.

Perjuangan awal Dr. Mahathir bersama rakyat dan UMNO untuk kepentingan Melayu telah berjaya dengan hancurnya rancangan *Malayan Union*. Namun penolakan beliau ke atas dasar kewarganegaraan *jus soli* British tidak begitu berjaya apabila dasar imigrasi Malaya dan Malaysia di peringkat awal kemerdekaan telah menyebabkan peningkatan peratus jumlah penduduk kaum Cina dan India yang menjadi warganegara Malaysia .

Walau bagaimanapun Dr. Mahathir kelihatan terus berjuang bersama-sama rakyat bawahan. Beliau amat perihatin dengan rakyat miskin terutamanya semasa menjadi pengamal perubatan swasta di Alor Setar. Gelagatnya telah menyebabkan ramai yang menganggap beliau sebagai seorang yang berfahaman sosialis. Hanya dalam tahun 1978 beliau secara terbuka menafikan bahawa beliau pernah menganggotai kelab sosialis dan sekaligus menolak anggapan sesetengah pihak bahawa beliau pada awalnya percaya dan mengamalkan fahaman sosialis.⁷⁶

Setelah berkuasa pada tahun 1981 beliau seterusnya telah menerima hakikatnya bahawa kaum Cina adalah sebagai rakyat Malaysia dan kalau di peringkat awalnya beliau sangat takut akan kekuatan orang-orang Cina yang jelas dapat dilihat dalam ucapan-ucapan dan tulisan-tulisan beliau seperti yang dilaporkan di atas, tetapi kini beliau memilih untuk membuat kolaborasi dengan orang-

⁷⁶ Lihat *Berita Harian*, 7 Julai 1978.

orang Cina dan mengulangi sejarah lampau yang dibuat oleh raja-raja Melayu dengan orang-orang Inggeris dan Cina. Yang berbeda ialah kini kolaborasi beliau dengan orang-orang Cina bertujuan menjadikan Malaysia sebuah negara maju pada tahun 2020. Semuanya itu berlaku kerana pertamanya beliau sekarang telah dan sedang berusaha untuk mengatasi **masalah Malaysia** dan bukan lagi masalah Melayu semata-mata seperti yang beliau perjuangkan pada peringkat awalnya. Masalah Malaysia kini, telah dan sedang diatasi oleh beliau dengan pendekatan liberal Malaysian Malaysia ala Dr. Mahathir .

Kedua kerana sikap pragmatik beliau yang sangat mengutamakan aspek kemajuan material, yang pada fikirannya hanya boleh dicapai melalui sistem ekonomi pasaran yang liberal. Kemajuan ekonomi dalam sistem yang sedemikian amat bergantung kepada penghayatan nilai-nilai baru oleh orang-orang Melayu di antaranya yang terpenting ialah persaingan, meritokrasi, produktiviti dan kecekapan yang telah lama di amalkan oleh kaum Cina pada pandangan Dr. Mahathir.

Oleh kerana situasi masalah awal Malaya dan masalah sekarang telah berubah maka sikap Dr. Mahathir terhadap orang-orang Cina telah berubah. Dengan itu beliau kelihatan lebih moderat terhadap orang-orang Cina pada amnya dan Singapura khasnya. Sikap yang sama juga beliau amalkan terhadap negara-negara Republik Rakyat Cina⁷⁷ dan lain-lain negara yang berasaskan kaum Cina Perantauan seperti Taiwan dan Hong Kong. Perlaksanaan dasar Malaysian Malaysia ala Dr. Mahathir terutamanya mulai tahun 90an terbukti mempunyai beberapa titik pertemuan dengan nilai-nilai yang diamalkan oleh pemerintah Singapura. Ini telah menambahkan persefahaman di antara kepimpinan

⁷⁷ Lihat Gerald Segal and Richard H. Yang, *Chinese Economic Reforms- The Impact on Security*, (London: Rutledge,1996), m.s. 137.

Malaysia dan Singapura yang selanjutnya memungkinkan hubungan Malaysia-Singapura era Dr. Mahathir secara relatifnya telah bertambah baik.

Pada keseluruhannya daripada huraian di atas, maka Dr. Mahathir sebagai *political man* seperti yang diakui olehnya "*actually I was a politician who qualified as a doctor*"⁷⁸ tidak bebas daripada motif persendirian yang pelbagai di antaranya untuk mencapai cita-cita peribadi, *self seeking greed*, sompong, bangga diri, cemburu, murah hati, dan bermuka-muka⁷⁹. Walau bagaimanapun sikap dan sifat tersebut telah banyak menyumbangkan ke arah peningkatan persefahaman dalam hubungan Malaysia-Singapura. Jika Dr. Mahathir seorang yang masih berpegang kepada nilai-nilai idealis dan tetap mempunyai semangat nasionalisme Melayu yang tebal, maka status hubungan Malaysia-Singapura mungkin tidak senormal sekarang.

⁷⁸ Dr. Mahathir Mohamad, Ucapan Dr. Mahathir bertajuk "Dr. M Bares His Soul" dalam *Malaysian Industry* September 1996, m.s 86.

⁷⁹ Gordon P. Means, *Malaysian Politics-The Second Generation*, (Singapore: Oxford University Press, 1991), m.s. 292-293.